

Berita baik kepada rakyat

► Pelantikan Jawatan Naib Canselor UMS kepada anak Sabah

UB 17.6.2017 A3

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Pelantikan Prof Dr D Kamarudin D Mudin sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah satu berita baik kepada masyarakat Sabah.

Pengerusi Gabungan Muda Sabah (Gema) Jamain Sarudin berkata, pelantikan itu adalah satu berita yang positif bagi anak Sabah kerana pelantikan itu selaras dengan hak Borneonisasi seperti yang tertera di dalam Perjanjian Malaysia 1963.

“Sebelum ini pihak kami bertujuan untuk menghantar satu pungutan petisyen kepada pihak UMS berkaitan perkara itu, namun hasrat itu diberhentikan memandangkan pelantikan jawatan Naib Canselor UMS kepada seorang anak Sabah telah dilaksanakan.

“Pungutan petisyen yang dilakukan selama empat hari itu



JAMAIN (duduk, tengah) bersama barisan kepimpinan Gema menunjukkan petisyen yang berjaya diperolehi.

berjaya mengumpulkan sejumlah 4,209 tanda tangan,” katanya

namun hasrat itu diberhentikan memandangkan pelantikan jawatan Naib Canselor UMS kepada seorang anak Sabah telah dilaksanakan.

Sementara itu, pengerusi pengajur petisyen UMS merangkap Timbalan Pengerusi

Beliau yang juga Ketua Pemuda

Gema IR Jovilis Majami berkata, perjuangan yang dilakukan Gema berjaya mencapai matlamat dan kini tidak ada keperluan untuk menghantar pungutan petisyen itu.

Parti Harapan Rakyat Sabah turut mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan UMS kerana mendengar suara-suara Gema mengenai perkara itu yang sebelum ini diviralkan di media sosial mengenai pelantikan jawatan itu.

Turut hadir dalam sidang media itu ialah Timbalan Pengerusi Gema yang lain Fredrine Tuliang dan Sharif Suhaimi serta Setiausaha Gema Dr Brister Mokujal.

Dalam sidang media itu, mereka turut sebut lat suara

“Perjuangan yang dilakukan Gema berjaya mencapai matlamat dan kini tidak ada keperluan untuk menghantar pungutan petisyen itu.”

IR JOVILIS MAJAMI
Timbalan Pengerusi Gema

menjelaskan bahawa perjuangan untuk mendapatkan hak Sabah daripada Kerajaan Pusat akan sentiasa disuarakan sehingga mendapatkan keadilan yang sewajarnya.

Dalam perkembangan lain, Jamain yang juga Ketua Pemuda SAPP berharap kerajaan tidak akan mengambil tindakan untuk menutup Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Gaya seperti mana yang dilakukan terhadap IPG Keningau dan IPG yang lain.

“IPG itu adalah penting kepada orang Sabah untuk membolehkan lebih ramai guru dilahirkan di negeri ini selain mencapai 90 peratus kuota guru orang Sabah di negeri ini,” katanya.

Menurutnya, sekiranya IPG Kampus Gaya ditutup, ia yang sudah pasti akan menjelaskan usaha melahirkan guru-guru di Sabah.